

Kaji tubuh badan kawal selia lindungi penggiat muzik

BH - 12/4/2019
m/s: 2

Putrajaya: Cadangan penubuhan sebuah badan kawal selia bagi melindungi kepentingan penggiat muzik tanah air seperti fungsi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi industri filem, akan dikaji kerajaan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri turut memberi kebebasan kepada penggiat muzik menentukan sendiri fungsi serta bentuk organisasi berkenaan yang juga boleh melindungi mereka daripada penyangak seni yang mengambil kesempatan dalam isu bayaran hak cipta dan royalti.

Dr Mahathir juga memaklumkan, beliau sering tertanya-tanya bagaimana penyanyi dapat hidup sempurna, sedangkan tidak nampak bidang berkenaan boleh memberi pendapatan tinggi seperti nasib yang menimpa Allahyarham P Ramlee.

"Saya anggap dia (P Ramlee) genius, dia buat segala-galanya, tulis lirik, cipta lagu, main per-alatan muzik, buat gambar (filem), namun pada akhirnya dia meninggal sebagai seorang miskin. Hari ini, lagunya dinyanyikan semua orang, tetapi tiada royalti dibayar.

"Mungkin itu nasib penyanyi terkenal, bagi yang kurang terkenal bagaimana pula. Kita cuba untuk lindung karya mereka dengan perkenalkan undang-undang berkaitan harta intelek, tapi timbul masalah penyangak seni yang salah guna undang-undang ini untuk dapatkan royalti bagi diri mereka.

"Undang-undang ini tak mencukupi bagi beri perlindungan kepada penggiat seni. Ini akan kita kaji semula dengan sumbangan pendapat penggiat seni. Kita juga tidak ada badan seperti FINAS, kalau perlu, kita adakan untuk mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis *town hall* bersama penggiat seni muzik di sini, semalam, dan turut menerima cadangan penubuhan Perbadanan Muzik Malaysia yang diserahkan wakil karyawan seni, Nasir Daud.

Perdana Menteri menyarankan penggiat muzik supaya tidak hanya bergantung kepada satu punca rezeki, tetapi mempelbagaikannya, termasuk perniagaan kecil-kecilan yang mungkin membolehkan mereka mendapat pendapatan lebih baik.

"Kalau nak menyanyi saja, tapi tak dapat banyak, adakan perusahaan kecil-kecilan. Contohnya, ada yang jual tudung dan sudah jadi jutawan. Ini juga sering kerajaan tekankan kepada golongan berpendapatan rendah," katanya.